



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi

Pharmacy Enforcement Division

Lot 36, Jalan Prof Diraja Ungku Aziz, Petaling Jaya
46200 SELANGOR
MALAYSIA

Tel: 03-7841 3200

Laman Web: www.pharmacy.gov.my

Ruj Tuan:

Ruj Kami: KKM.600-11/4/11 Jld.37(13)

Tarikh: 4 November 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg.Datuk/Dato'/Dr,

PENGIKLANAN UBAT DAN PERKHIDMATAN KESIHATAN YANG TIDAK MEMATUHI AKTA UBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) 1956 DI MEDIA SOSIAL

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg.Datuk/ Dato'/ Dr sedia maklum, semua bentuk pengiklanan berkaitan ubat dan perkhidmatan kesihatan yang disiarkan kepada orang awam adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang ditetapkan di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [Akta 290] dan peraturan-peraturannya. Akta ini bertujuan untuk mengawal pengiklanan berkaitan dengan hal-hal perubatan dan pada masa yang sama melindungi pengguna daripada maklumat yang mengelirukan, tuntutan yang tidak berasas serta iklan yang boleh mengundang risiko kepada kesihatan awam. Namun demikian, hasil pemantauan Bahagian ini mendapati masih terdapat banyak iklan berkaitan ubat dan perkhidmatan kesihatan yang disiarkan melalui media sosial seperti Facebook, Instagram dan TikTok oleh klinik perubatan swasta berdaftar, hospital swasta berlesen serta pengamal tersebut seperti berikut:

2.1 Penyiaran Iklan Perkhidmatan Kesihatan Tanpa Kelulusan Lembaga Iklan Ubat

Bahagian ini telah mengesan promosi perkhidmatan seperti program pengurangan berat badan, rawatan penyakit dan estetik yang dilakukan oleh fasiliti perubatan swasta dan pengamal perubatan berdaftar tanpa kelulusan



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT.NO: QMS 01408

daripada Lembaga Iklan Ubat (LIU), Kementerian Kesihatan Malaysia. Tindakan ini merupakan **pelanggaran** di bawah **Seksyen 4A Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956** seperti dinyatakan di bawah:

Section 4A. Prohibition of advertisements relating to skill or service.

Subject to this Act, no person shall take part in the publication of any advertisement—

(a) which refers to any skill or service relating to the treatment, prevention or diagnosis of any ailment, disease, injury, infirmity or condition affecting the human body; and

(b) which is capable of inducing, or which contains an invitation, whether express or implied, to, any person to seek advice of the advertiser or any person referred to in the advertisement in connection with such skill or service:

Walau bagaimanapun, perenggan 4A(bb) Akta ini mengecualikan larangan ini kepada iklan yang disiarkan, **dengan kelulusan LIU**, oleh mana-mana hospital swasta, klinik swasta, atau klinik radiologi swasta dan makmal perubatan swasta yang dikendalikan oleh pengamal perubatan berdaftar.

Section 4A. Prohibition of advertisements relating to skill or service.

... Provided that this section shall not apply to any advertisement published—

*... (bb) **with the approval of the Medicine Advertisements Board** established by the Minister, by any private hospital or by any—*

(i) private clinic;

(ii) private radiological clinic;

(iii) private medical laboratory,

operated by a registered medical practitioner having a valid annual practising certificate under the Medical Act 1971 [Act 50]

2.2 Penyiaran Iklan Ubat Tanpa Kelulusan Lembaga Iklan Ubat

2.2.1 Pemantauan Bahagian ini turut mendapati terdapat klinik perubatan swasta berdaftar, hospital swasta berlesen dan pengamal perubatan berdaftar yang menyiarkan **iklan ubat** dengan tuntutan perubatan **tanpa memperoleh kelulusan** daripada LIU. Perkara ini merupakan satu **pelanggaran** di bawah **Seksyen 4B Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956** seperti dinyatakan di bawah:

Section 4B. Advertisements of medicines to be approved.

(1) No person shall take any part in the publication of any advertisement referring to any article, or articles of any description, in terms which are calculated to lead to the use of that article of that description as a medicine, an appliance or a remedy for the purpose of treatment or prevention of diseases or conditions of human beings other than the diseases and conditions specified in subsection 3(1), unless such advertisement has been approved by the Medicine Advertisements Board.

2.2.2 Selain itu, LIU secara dasarnya **tidak membenarkan** sebarang pengiklanan ubat mengandungi **racun** yang tersenarai dalam Akta Racun 1952 kepada orang awam melalui mana-mana medium.

3. Untuk perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Dr, keperluan pematuhan ini juga terpakai bagi semua iklan di media termasuklah di **media sosial**, tanpa mengira jenis platform yang digunakan. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab klinik perubatan swasta berdaftar/ hospital swasta berlesen/ pengamal perubatan berdaftar yang terlibat dalam penyiaran iklan ubat dan perkhidmatan kesihatan di media sosial memastikan kandungan iklan tersebut mematuhi peruntukan yang ditetapkan.

4. Bahagian ini amat menghargai kerjasama semua pihak dalam memastikan pematuhan kepada peruntukan Akta ini. Namun begitu, perlu ditegaskan bahawa kegagalan mematuhi seksyen 4A dan seksyen 4B Akta ini merupakan satu kesalahan undang-undang, dan boleh dikenakan hukuman di bawah **Seksyen 5(1)** Akta yang sama iaitu hukuman denda sehingga **RM3,000** atau **satu tahun penjara** atau **kedua-duanya sekali** bagi kesalahan pertama, manakala **RM5,000** atau **dua tahun penjara** atau **kedua-duanya sekali** bagi kesalahan berikutnya. Bahagian ini mengambil pendekatan berhemah dengan memberi peringatan dan amaran terlebih dahulu. Namun, tindakan penguatkuasaan akan diambil sekiranya pelanggaran terus berlaku selepas peringatan dan amaran ini disampaikan.

5. Bersama-sama ini juga disertakan satu poster mesej kesedaran **infografik** berkaitan pematuhan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 untuk perhatian dan tindakan klinik perubatan swasta berdaftar, hospital swasta berlesen dan pengamal perubatan berdaftar yang terlibat. Mohon kerjasama pihak YBhg.Datuk/Dato'/Dr agar dapat mengedarkan infografik tersebut kepada fasiliti kesihatan swasta serta ahli persatuan di bawah seliaan YBhg.Datuk/Dato'/Dr bagi memastikan bahawa sebarang penglibatan dalam pengiklanan ubat dan perkhidmatan kesihatan adalah selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa. Sila layari laman web <https://pharmacy.moh.gov.my> untuk mendapatkan infografik ini dan maklumat berkaitan iklan serta ikuti **Tiktok penguatkuasaanfarmasi**.

6. Untuk makluman, bagi fasiliti-fasiliti seperti dinyatakan dalam perenggan 4A(bb) di para 2.1, borang permohonan kelulusan iklan dan garis panduan berkaitan boleh diperolehi di laman web <https://pharmacy.moh.gov.my> (Dokumen & Media > Borang & Garis Panduan). Pemohon dikehendaki mengemukakan borang permohonan yang lengkap kepada alamat berikut:

**Sekretariat
Lembaga Iklan Ubat
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 36 Jalan Prof Diraja Ungku Aziz
46200 Petaling Jaya, Selangor.
Emel: liu@moh.gov.my
Tel: 03-78413200**


Kerjasama dan komitmen pihak YBhg.Datuk/Dato'/Dr dalam memastikan pematuhan ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZAWAWI BIN ABDULLAH) RPh. 2183

Pengarah

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

AA/shs/mzk

✉ hufaldah@moh.gov.my/ mohdzhafran@moh.gov.my

☎ +603 - 7841 3651/ 3657

**"PENGUATKUASAAN FARMASI : AGENSI PENERAJU DALAM MEMERANGI
JENAYAH FARMASEUTIKAL"**

s.k.

1. **Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS)**
Bahagian Amalan Perubatan
Aras 3, Blok E1, Kompleks E
Kementerian Kesihatan Malaysia
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
Emel: ckaps@moh.gov.my
2. **Semua Ketua Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri/ Wilayah Persekutuan.....**

SENARAI EDARAN

- 1. ACADEMY OF FAMILY PHYSICIANS OF MALAYSIA**
Unit 3.11, Level 3.
Medical Academies Malaysia
Jalan Kepimpinan P8H
Presint 8
62250 Putrajaya
Emel: secretaryadmin@afpm.org.my
- 2. AKADEMI PERUBATAN MALAYSIA**
Unit 3.8, No 5, Jalan Kepimpinan P8H
Presint 8
62250 Putrajaya
Emel: secretariat@acadmed.my
- 3. ASSOCIATION OF PRIVATE HOSPITALS MALAYSIA (APHM)**
Menara UOA Bangsar, 5
Jalan Bangsar Utama 1
Seksyen 17, 59000 Kuala Lumpur
Emel: aphm@aphm.org.my
- 4. FEDERATION OF PRIVATE MEDICAL PRACTITIONERS' ASSOCIATIONS MALAYSIA**
210, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Emel: secretariat@fmpmam.org
- 5. MALAYSIAN MEDICAL ASSOCIATION (MMA)**
4th Floor, Bangunan MMA
124, Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur
Emel: executivesecretary@mma-foundation.com
- 6. MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL (MMC)**
Block C, 1st Floor (Counter),
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
Emel: admin.mmc@moh.gov.my
- 7. MEDICAL PRACTITIONERS COALITION ASSOCIATION OF MALAYSIA**
No.17-2
Jalan PJS 8/12
Dataran Sunway Mentari
46150 Petaling Jaya, Selangor
Emel: mpcamofficial@gmail.com

8. PERSATUAN PERUBATAN ISLAM MALAYSIA (IMAM)

No 1-2, Jalan SP1

Selayang Point

68100 Batu Caves, Selangor.

Emel: execsecppim@gmail.com

9. PERTUBUHAN DOKTOR-DOKTOR ISLAM MALAYSIA (PERDIM)

No 8-1, Suria Jelutong,

Jalan Bazar, U8/99,

Bukit Jelutong,

41051 Shah Alam, Selangor.

Emel: perdimmalaysia@gmail.com

10. MALAYSIAN SOCIETY OF AESTHETIC MEDICINE (MSAM)

6th floor, Boutique Office 3A-06-01

Menara 3A, 3, Jalan Bangsar

KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur

Emel: secretariat@msam.com.my




KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI




ANDA AHLI PROFESIONAL KESIHATAN?

Sering mempromosi @ review ubat atau perkhidmatan
kesihatan di media sosial (TikTok, Facebook, Instagram)?



AWAS!




Ketahui! anda mungkin telah
melanggar Akta (Ubat Iklan &
Penjualan) 1956.

Jika sabit kesalahan boleh
dihukum denda sehingga RM3000
@ PENJARA! tahun @ kedua-
duanya!




Pastikan content tersebut telah
diluluskan oleh Lembaga Iklan
Ubat, KKM!

FOLLOW & LIKE TIKTOK:

@penguatkuasaanfarmasi



**TOLAK
UBAT
TIDAK SAH**
www.pharmacy.moh.gov.my/tobats



PENJUALAN UBAT
DALAM TALIAN

WASPADA!